

PARLIMEN MALAYSIA  
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN** : Lisan

**DARIPADA** : Datuk Koh Nai Kwong [ Alor Gajah ]

**TARIKH** : 19 Mac 2018 (Isnin)

**SOALAN** : Datuk Koh Nai Kwong [ Alor Gajah ]  
minta **MENTERI PERTANIAN DAN  
INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan apakah  
hasil "engagement" dengan pengusaha  
sawah dan petani pada masa Kementerian  
ingin menjalankan **projek "clearfield"**, serta  
adakah Kementerian telah memberi  
**alternatif kepada petani** untuk **menanam  
hasil lain** semasa waktu padi "clearfield"  
tidak boleh ditanam.

## JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Pada peringkat pemulaan penggunaan varieti padi MR220 CL2 pesawah telah diberikan penerangan akan syarat penggunaannya iaitu:

- i) Pengusaha sawah menggunakan varieti padi MR220 CL2 bersama racun *onduty* tidak lebih daripada 2 musim seperti disyorkan bagi kawasan yang mempunyai masalah padi angin;
- ii) Selepas 2 musim, sekiranya masalah padi angin tersebut telah tiada, pesawah telah diberi alternatif untuk menggunakan varieti-varieti lain yang sedia ada seperti varieti MR219, MR 220, MR 253, MR 263, MR269, MARDI 284, MARDI Siraj 297; dan
- iii) Penggunaan semula varieti Clearfield (MR220 CL2) dengan racun *onduty* hanya boleh disyorkan sekiranya masalah padi angin berulang.